

**JABATAN MUZIUM MUZIUM
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

KENYATAAN TAWARAN

BILANGAN TAWARAN: **02/JMM/S/12/91(2022/2023)**

TAJUK TAWARAN: **KONTRAK PEMELIHARAAN PENGGAL (24 BULAN) BAGI KERJA-KERJA MEMOTONG RUMPUT, PENYELENGGARAAN, MEMANGKAS, MEMOTONG, MEMBAJA & MERACUN RUMPUT DI KAWASAN BANGUNAN MUZIUM ALAT KEBESARAN DIRAJA, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

1. Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat serta pemborong-pemborong yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam kerja-kerja pembersihan yang berdaftar di dalam **Kelas II, III IV dan V** di bawah Kategori SO2 sahaja.
2. Syarikat-syarikat yang dimiliki oleh kakitangan Kerajaan dan seumpamanya tidak akan dilayan dan tidak sah untuk dinilai.
3. Dokumen tawaran boleh diperolehi dari **Bahagian Kewangan, Tingkat 2, Bangunan Arkib Negara, Jalan Dewan Majlis, Negara Brunei Darussalam semasa hari/waktu bekerja iaitu dari jam 9.00 pagi hingga 11.30 pagi (hari Isnin hingga hari khamis sahaja)**
4. Yuran Tawaran adalah **\$30.00 (B\$: Tiga Puluh Ringgit)** sahaja dan tidak akan dikembalikan kepada setiap Syarikat / Pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang sah ('bona-fide tender')
5. Tawaran hendaklah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi ('sealed') dengan **menyatakan bilangan dan tajuk tawaran serta tarikh tutup tawaran** tanpa menyatakan nama penender/syarikat dengan dialamatkan kepada **PENGERUSI LEMBAGA TAWARAN KECIL, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN, SIMPANG 336-17, JALAN KEBANGSAAN, BANDAR SERI BEGAWAN BA1210, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**
6. Tawaran yang lengkap hendaklah dimasukkan kedalam **PETI TAWARAN LEMBAGA TAWARAN KECIL (WARNA BIRU), TINGKAT 1 (RUANG MASUK/PENYAMBUT TETAMU), KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN TIDAK LEWAT JAM 2.00 PETANG PADA HARI SELASA, 26 APRIL 2022.**
7. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.
8. **Tarikh terakhir** mengambil dokumen tawaran adalah pada Hari Khamis, 21 April 2022 jam 11.30 pagi.
9. Sebelum dokumen tawaran dikeluarkan, setiap Syarikat / Pemborong adalah dikehendaki untuk membawa salinan Sijil Pendaftaran Kontraktor dan Pembekal yang menunjukkan bahawa Pemborong adalah dalam kelas yang ditetapkan sahaja serta Sijil Lampiran Syarikat (Business Enactment Section 16 & 17) dan dikehendaki membayar yuran tawaran dengan kadar yang telah ditetapkan.

10. Penender yang ikut serta **DIMESTIKAN HADIR** untuk membuat lawatan ke tapak projek pada hari Isnin, 18 April 2022 jam 9.30 pagi **bertempat di Bangunan Muzium Alat Kebesaran Diraja, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam**. Nombor yang boleh dihubungi di talian telefon 2381674 / 2381677 ext 118 semasa waktu pejabat bagi mendapatkan penerangan lanjut. Penender yang gagal hadir semasa lawatan ke tapak projek boleh menyebabkan tawaran untuk tidak dinilai.

11. Penender yang hendak membuat lawatan ke tempat projek (site visit) boleh berhubung dengan Pegawai berikut untuk penjelasan lanjut:

NO	NAMA PEGAWAI	JAWATAN	NO TELEFON BIMBIT
01	Dyg Shariana binti Hj Naim	Pegawai Muzium	8842564
02	Jahrani binti Haji Abas	Pegawai Muzium	8831069
03	Dyg Rosmah @ Nur Hurul 'Ain binti Hj Abd Rashid	Pembantu Teknik	8788416

12. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. **Borang tawaran dan borang pengakuan penender hendaklah diisikan dengan lengkap. Penender yang menghantar tawaran yang tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan untuk penilaian.**

13. Setiap borang tawaran yang telah diisikan dengan lengkap hendaklah menyertakan salinan Sijil Pendaftaran Kontraktor dan Pembekal, Sijil Lampiran Syarikat (Business Enactment Section 16 & 17) dan salinan resit pembayaran yuran tawaran (seperti kenyataan para 4).

14. **Penender dimestikan menurunkan tandatangan '*initial*' pada setiap mukasurat dimana maklumat telahpun diisikan oleh penender.**

15. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

16. Syarikat yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi akan dikenakan denda selaras mengikut peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara, rujukan LTN/4(39/1997).